

KIBLAT YANG DILUPAKAN

Saadiah Binti Mohd

Muhammad Fahmi Bin Ghazali

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah

Tel: +6019-6941135 E-mail: saadiah@usas.edu.my

PROLOG

6 Disember 2017, Rabu, 2.11am

Suasana pagi di sini amat nyaman sekali. Diselang-seli dengan bunyi cengkerik malam yang melagukan lirik-lirik PenciptaNya. Tika ini juga pasti penduduk sekitar sedang asyik dibuai tidur yang lena.

Telinga Aidid dari tadi dilunakkan dengan keasyikan lagu yang tercorong melalui radio bersama dengan irama dan celoteh malam yang penuh kehipokritan dari juruhebahnya. Sambil matanya khusyu' melayari dinding facebook yang penuh dengan ayat-ayat kemarahan kepada Donald Trump selepas pengistiharan Baitul maqdis sebagai ibu kota Israel siang tadi.

Hatinya sayu mengenangkan kiblat pertama Umat Islam itu. Mengenangkan apakah sumbangannya bagi membebaskan Baitulmaqdis. Siapakah yang akan menjadi Salahuddin al-Ayubi pada zaman ini.

Aidid teringat perbualannya bersama rakan sekerja Aiman siang tadi. Membincangkan sumbangan bagi membantu rakyat Palestin. Aidid mencadangkan kempen boikot barang Israel perlu dipergiatkan lagi.

"Kalau kau boikot pun, bukannya Zionis terus mengalami kejatuhan ekonomi mendadak. Bagi aku tak efektif. Aiman tidak bersetuju dengan cadangan Aidid.

"Aiman, tindakan boikot jangan hanya dilihat daripada sudut kesannya, efektif atau tidak, tapi hendaklah difahami ia adalah tuntuan aqidah, bukti keimanan, persaudaraan dan tanda sokongan. Sekurang-kurangnya, inilah aku mampu bantu saudara aku di Palestin. Nak derma, aku tak mampu derma banyak-banyak. Jadi, aku boikotlah barang Israel." Panjang lebar Aidid menjelaskan.

Boikot Produk AS, Israel Hanya Satu Retorik

KUALA LUMPUR : SETIAP kali isu berkaitan Amerika Syarikat dan Israel tercusus, pastinya ramai mula bersuara untuk memboikot pembelian barang-barang dari kedua-dua negara itu. Namun, adakah pelaksanaan memboikot produk itu benar memberi impak dan mengubah landskap politik, seperti apa yang sedang berlaku di Baitulmaqdis?.

Menurut penganalisis ekonomi Shan Saeed, idea untuk memboikot itu satu retorik kerana jika satu pihak bertindak untuk memboikot, pastinya pihak lain akan terus membeli, tidak kira pihak dari negara lain atau pun pelabur global. Boikot ini hanyalah satu tindakan yang memberi kesan jangka masa pendek kerana pasaran akan menilai dan melihat sentimen dalam kalangan pelabur global. "Namun jika risiko geopolitik semakin tinggi, ia mungkin akan memberi kesan kepada harga komoditi dunia. "Tetapi ini jangka masa panjang, ia bergantung kepada kuasa pasaran untuk menentukan semua harga komoditi," kata Shan dalam satu temu bual bersama Astro AWANI

Beliau menjelaskan tindakan boikot mana-mana produk tidak memberi impak kepada jenama syarikat, apa lagi negara yang terbabit kerana perdagangan peringkat global masih diteruskan. "Jika anda boikot sesuatu produk, mungkin anda masih perlu membeli produk yang lain pada harga lebih mahal. "Pada masa sama, produk yang diboykot itu biasanya akan tetap dibeli oleh orang lain, maka ia sememangnya tidak memberi kesan," katanya.

Semalam, Ketua Bahagian Pas (Kepala Batas), Bukhori Ghazali dalam satu perhimpunan di Butterworth menyeru semua masjid untuk menganjurkan khutbah berkaitan memboikot pembelian barang-barang dari AS dan Israel. Di peringkat global pula, 10 Persatuan Perniagaan di Mesir bersatu untuk melaksanakan boikot ke atas semua produk AS, manakala pelajar-pelajar universiti di Jordan mengadakan bantahan bagi menggesa boikot ke atas AS. Ia dilihat sebagai satu kutukan dan bantahan terhadap keputusan Presiden AS, Donald Trump yang mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/boikot-produk-israel-hanya-satu-retorik-penganalisis-162535> .

EPILOG

6 Disember 2017, Rabu, 4.10 am

Aidid mematikan radio dan merenung langit di jendela kamarnya. Matanya masih belum mampu dilepaskan. Dia masih memikirkan nasib saudara seakidahnya di Palestin. Hatinya masih tertanya-tanya.

“Adakah dengan memboikot barang Israel ini boleh dianggap sebagai salah satu jalan jihad?”

“Adakah dengan masih membeli barang keluaran Israel ini memberi mudarat secara langsung kepada rakyat Palestin di sana?.”

“Adakah larangan membeli barang Isrel boleh termasuk dalam kaedah “Sadd Zarai”?

Persoalan demi persoalan berlegar dikepalanya sehingga dia tidak sedar bilakah dia terlena.

SOALAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Sadd Zarai’?.
2. Apakah bahagian-bahagian al-zara`i dan hukum setiap pembahagian.
3. Terangkan terangkan aplikasi Sadd Zarai’ dalam isu boikot barangan Israel.

CASE SUMMARY	Boikot barangan Israel merupakan satu kempen pemulauan pembelian ke atas barang pengeluar-pengeluar yang menyokong rejim Zionis Israel.. Objektif kajian ini adalah untuk menilai hukum boikot daripada perspektif kaedah <i>Sadd Zara'i</i> secara khusus. Kajian ini akan menilai tahap-tahap <i>mafsadah</i> sekiranya boikot ini tidak dilaksanakan. Kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah rujukan dokumen sebagai kaedah utama. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan
---------------------	---

	mengaplikasikan kaedah usul fiqh sebagai teras utama.
OBJECTIVES OF THE CASE	<p>(1) Untuk mengkaji konsep <i>Sadd Zara'i</i>.</p> <p>(2) Untuk mengkaji jenis-jenis <i>Zara'l</i> dan hukum bagi setiap jenis tersebut.</p> <p>(3) Untuk menerangkan aplikasi <i>Sadd zara'i</i> dalam isu-isu terkini.</p>
BASIC PEDAGOGY	COURSE SYI 4043M PENGANTAR USUL AL-FIQH
	LEVEL Diploma
	POSITION IN THE COURSE Sumber hukum : <i>Saddu al-Zara'i</i>
RESEARCH METHODOLOGY	Kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah rujukan dokumen sebagai kaedah utama. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan mengaplikasikan kaedah usul fiqh sebagai teras utama
DISCUSSION QUESTIONS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah yang dimaksudkan dengan <i>sadd zarai'</i>. 2. Apakah bentuk-bentuk <i>zarai'</i>. 3. Berikan contoh <i>Sadd Zarai'</i> yang berlaku pada zaman rasulullah. 4. Jelaskan aplikasi <i>Sadd Zarai'</i> dalam isu boikot barang Israel. 5. Berikan dalil yang berkaitan dengan kajian kes di atas
SUGGESTED RESPONSES	<p>(1) Apakah yang dimaksudkan dengan <i>sadd zarai'</i>.</p> <p>Menutup jalan-jalan yang membuka ruang kepada kerosakan (mafsadah) atau perkara yang ditegah oleh syarak.</p> <p>(2) Apakah bentuk-bentuk <i>zarai'</i>.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbuatan yang harus dilakukan tetapi pasti membawa kepada mafsadah. 2. Perbuatan yang harus dilakukan tetapi jarang membawa kepada mafsadah. 3. Perbuatan yang harus dilakukan tetapi kebiasaannya membawa kepada mafsadah. 4. Perbuatan yang harus dilakukan tetapi seringkali membawa kepada mafsadah. <p>(3) Berikan contoh <i>Sadd Zarai'</i> yang berlaku pada zaman</p>

rasulullah.

- Kaedah sadd al-dhara'i telah berlaku sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Ini dapat dibuktikan melalui peristiwa Nabi SAW melarang para Sahabat daripada mencaci dan mencela tuhan-tuhan yang disembah selain Allah SWT. Perintah ini berdasarkan firman Allah SWT

Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan. (6:108)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT melarang kita daripada mencaci tuhan-tuhan bukan Muslim. Ini kerana, ia akan membuka ruang dan peluang kepada bukan muslim untuk mencaci semula Allah SWT.

Maka, sikap muslim yang membuka peluang untuk Allah SWT dihina adalah berdosa dan ditegah. Selain daripada peristiwa ini, banyak lagi peristiwa lain yang membuktikan bahawa Rasulullah SAW telah menggunakan kaedah sadd al-dhara'i sebagai salah satu sumber perundangan Islam. Ini bermakna, kaedah ini boleh dijadikan sebagai hujah bagi menyelesaikan permasalahan isu-isu semasa yang berlaku pada masa kini.

(4) Jelaskan aplikasi Sadd Zarai' dalam isu boikot barang Israel.

- Perbuatan membeli barang yang diperlukan untuk kegunaan seharian adalah diharuskan. Namun, perbuatan yang pada asalnya diharuskan ini telah ditegah apabila seringkali ia akan membawa kepada mafsadah melalui kesan buruk yang akan timbul sekiranya perbuatan ini tidak dilakukan dengan cara yang berhikmah.
- Pada hari ini, terdapat barang dan produk yang telah dikeluarkan oleh negara-negara yang memerangi umat Islam berada di setiap pasaraya seluruh negara. Sehubungan dengan itu, ada kemungkinan bahawa sumber ekonomi yang dijana hasil daripada pembelian produk dari negara-negara ini akan disumbangkan kepada pembinaan senjata dan kekuatan ketenteraan untuk memerangi, menindas dan membunuh umat Islam di seluruh dunia. Oleh itu, sekiranya kita membeli barang keluaran negara-

negara ini, ia bererti kita turut menyumbang ke arah usaha untuk menghancurkan umat Islam tanpa kita sedari. Firman Allah SWT:

Maksudnya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. (5:2)

- Berdasarkan ayat ini, Allah menuntut supaya umat Islam saling tolong-menolong dalam melakukan perkara kebaikan dan mencegah daripada menolong melakukan perkara kemungkaran. Ini termasuklah menolong saudara seagama mereka apabila mereka ditindas atau diperangi oleh musuh Islam. Selain itu, kita juga ditegah untuk membantu pihak musuh memerangi umat Islam. Ini dapat dilaksanakan dengan cara melumpuhkan ekonomi mereka melalui perbuatan memboikot barang mereka.
- Oleh yang demikian, setelah ditinjau dari sudut mafsadah yang kebiasaannya akan berlaku kepada umat Islam keseluruhannya, maka usaha untuk memboikot daripada membeli barang keluaran negara yang memerangi umat Islam, merupakan antara langkah terbaik untuk menyekat kemudaratan yang akan berlaku terhadap umat Islam khususnya.

(5) Berikan dalil yang berkaitan dengan kajian kes di atas.

1. Surah Al-An'am : 108

“Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan”. (6:108)

2. Surah al-Baqarah : 35

“Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepantas-puasnya apa sahaja kamu berdua suka, dan janganlah kamu hampiri pokok ini, (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim.

Ayat ini menerangkan bahawa Allah melarang Adam dan Hawa daripada mendekati pokok tersebut dengan lafaz (ولا تقربا) sedangkan maksud sebenar daripada larangannya ini adalah memakan buah daripada pohon tersebut. Lafaz ini menunjukkan bahawa larangan Allah itu mendekati pohon tersebut adalah sebagai langkah saddu zara'i.

3. Busr bin Arta'ah meriwayatkan Nabi SAW bersabda :

لَا تَقْطِعُ الْأَيْدِي فِي الْغَزْوَةِ

Maksudnya : Tangan (pencuri) tidak dipotong dalam peperangan.